

12 FEB 1999

Samy-Tol

KADAR BARU TOL BERKUATKUASA 1 MAC

KUALA LUMPUR, 12 Feb (Bernama) -- Kadar baru tol di lima lebuh raya di negara ini termasuk Lebuh Raya Utara-Selatan (Plus) dan Lebuh Raya Damansara-Puchong (LDP), akan dilaksanakan pada 1 Mac, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Menurutnya pengumuman mengenai butiran kadar baru itu, yang sebahagiannya sudah diumumkan, akan dibuat selepas perayaan Tahun Baru Cina.

"Kita akan melaksanakan kadar baru itu pada 1 Mac," katanya kepada pemberita selepas melawat jalan alternatif LDP yang disediakan oleh pemegang konsensinya Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd (Littrak), di sini.

Tiga lagi jalan utama yang terbabit dengan kenaikan kadar tol yang dijangka nominal itu, ialah Shah Alam-Klang Expressway, Lebuhraya Kulim-Butterworth dan projek Expressway Lingkaran Tengah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mengumumkan pengurangan kadar tol bagi kenderaan persendirian yang menggunakan LDP kepada RM1 daripada RM1.50, sementara yang menggunakan Plus perlu membayar 11.24 sen sekilometer, peningkatan sebanyak 0.74 sen.

Kecuali bagi LDP, Samy Vellu berkata lebuh raya lain yang terbabit akan memperlihatkan kenaikan kadar tol "yang lebih kecil".

"Ia bukan kenaikan penuh. Jika ia kenaikan penuh, ia akan lebih tinggi," katanya.

Sambil memberi contoh Plus, beliau berkata kenaikan penuh akan bermakna pengguna perlu membayar 11.97 sen sekilometer dan bukan 11.24 sen seperti kadar baru yang ditetapkan.

"Oleh itu kerajaan perlu membayar bakinya. Jika orang ramai masih tidak gembira, kami tidak dapat membantunya. Kenaikan itu adalah terlalu nominal," katanya.

Menurutnya LDP juga mencuba mencari jalan penyelesaian kepada masalah penyediaan laluan alternatif bagi penduduk Sri Damansara untuk mengelak plaza tol Sungai Penchala.

Menteri itu menegur sesetengah penduduk yang enggan membenarkan laluan alternatif itu melalui kawasan perumahan mereka.

"Kita akan membuat rekabentuk dan sebaik sahaja ia siap, kami akan meneruskan dengan pembinaan jalan alternatif itu. Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk menyediakan jalan seperti itu untuk menyambung skim perumahan," katanya.

Ia dijangka menelan belanja kira-kira RM2 juta.

Samy Vellu turut melawat jalan alternatif yang disediakan untuk penduduk yang tinggal di sekitar plaza tol Puchong Barat.

-- BERNAMA

MAM LAT